

SINTAKSIS

A. Tukar ayat biasa kepada ayat songsang

1. Aiman telah membina sebuah hotel di Singapura.
2. Lelaki yang buta itu telah dibantu oleh orang awam.
3. Kucing itu mengiau di kaki saya kerana kelaparan
4. Rumah yang telah dirobuhkan oleh pihak berkuasa itu telah dijadikan sebuah pasar raya.
5. Lauk pauk itu saya masak semalam.

B. Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN +FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

1. Aishah anak sulung guru Matematik sekolah kami.

POLA AYAT:

2. Saya yakin bahawa rakan-rakan sekelas saya sangat rajin.

POLA AYAT:

3. Rombongan yang akan menyertai ekspedisi berkayak telah bertolak.

POLA AYAT:

4. Yang belum ke sekolah lagi ialah adik kerana baru berusia tiga tahun.

POLA AYAT:

5. Seorang pelajar akan ke Kuala Lumpur bersama-sama rombongan itu.

POLA AYAT:

6. Semua lapan orang anggota pasukan lari berganti-ganti sekolah kita cerdas.

POLA AYAT:

7. Beberapa ekor burung merpati sedang makan padi di jemuran Mak Teh.

POLA AYAT:

8. Buku cerita ini tentang pengembaraan seorang pemuda dari kampungnya.

POLA AYAT:

9. Pelajar baharu kelas itu bernama Ariana Zafirah.

POLA AYAT:

10. Beliau seorang guru yang amat dedikasi dalam tugasnya.

POLA AYAT:

11. Pelajar itu daripada Kelab Harimau Muda.

POLA AYAT:

12. Dari negara Jepun kebanyakan pengunjung ke pameran itu.

POLA AYAT:

13. Semua pemain sepak takraw pasukan itu dari Kampung Bahagia.

POLA AYAT:

14. Pelumba basikal yang sedang kami tunggu itu amat gigih.

POLA AYAT:

15. Guru yang sedang berkursus di Kuala Lumpur ialah Cikgu Zakaria.

POLA AYAT:

16. Amat terkenal pelumba basikal yang memenangi perlumbaan kali ini.

POLA AYAT:

17. Penuntut yang terlibat dalam kemalangan itu seorang pelajar Cina.

POLA AYAT:

18. Bangsa Arab terkenal dalam sejarah sebagai pengembara yang hebat.

POLA AYAT:

19. Askar Melayu yang membuat tasik di negeri Ceylon dahulu sungguh rajin.

POLA AYAT:

20. Kapal Phinisi itu daripada hasil tangan kaum Banjar di Bulukumba.

POLA AYAT:

21. Gelang emas yang dihadiahkan kepada isterinya itu cantik sungguh.

POLA AYAT:

22. Buah durian di belakang rumah Pak Lazim sudah gugur.

POLA AYAT:

23. Semua perkakas di dalam bilik darjah sekolah kami daripada kayu jati.

POLA AYAT:

24. Penyanyi muda yang berkasut kulit buatan Itali itu adik Mat Rashid.

POLA AYAT:

25. Bangunan kelab sukan di penjuru jalan itu sudah usang benar.

POLA AYAT:

C. Tukarkan **ayat aktif** kepada **ayat pasif**.

1. Saya telah menanam sayur-sayuran di belakang rumah ketika cuti sekolah.
2. Iman telah menanam lobak merah semasa aktiviti perkhemahan persatuan sekolah.
3. Ibu yang keletihan itu telah duduk di kerusi untuk menghilangkan penat.
4. Kami akan pergi berkhelah hujung minggu nanti.
5. Saya dan Azrul sering pergi ke sekolah bersama-sama.
6. Mereka tidak dapat menjelaskan hutang sebelum hujung bulan ini.
7. Encik Sofiah membuat pinjaman bank untuk menjalankan projek penternakan ikan tawar.
8. Beberapa orang pekerja sedang menebas semak samun di kiri dan di kanan lebur raya itu.
9. Hakim telah menjatuhkan hukuman penjara sepanjang hayat terhadap peragut yang menyebabkan kematian seorang wanita yang mengandung.
10. Hakim telah menjatuhkan ketua sindiket itu hukuman gantung sampai mati.

11. Kini kaum petani telah mengetinkan hasil buah-buahan setelah menjalani kursus industri kecil dan sederhana anjuran MARA.

12. “Saudara perlu segera menghadiri temu duga itu jika hendak mendapat pekerjaan itu,” kata kerani itu kepada saya.

13. Saya telah menerima surat pelantikan sebagai jurulatih bola sepak pasukan sekolah kamu.

14. Ibu telah memasakkan ayah kari kepala ikan.

15. Saya telah memasak lauk ikan untuk ayah.

16. Setelah membuat segala persiapan, kami sekeluarga pun menyambut para tetamu di luar dewan .

17. Kami telah mengesyorkan usul itu kepada pihak berkuasa agar mengambil tindakan dengan segera.

18. Pelajar-pelajar itu suka mengganggu guru yang sedang mengajar di dalam kelas.

Tukar ayat pasif yang berikut **kepada ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya

1. Barangan yang penting sahaja perlu kita bawa ke tapak perkhemahan di atas bukit itu.(2018)

2. Majalah berkaitan sejarah Malaysia itu telah dibaca oleh Hashim pada minggu lalu di perpustakaan sekolahnya.(2018)

3. Amalan kitar semula seharusnya dipraktikkan oleh masyarakat setempat demi penjagaan alam sekitar.(2018)

4. Emak diberitahu oleh kakak bahawa adik sedang membaca buku cerita di dalam biliknya.

5. Semua murid tingkatan lima diminta oleh Cikgu Syahir untuk ke dewan sekolah bagi mendengar taklimat khas tentang peperiksaan.

6. Keluhan dan masalah anak-anak remaja perlu didengar oleh ibu bapa supaya mereka dapat mengatasi gangguan emosi mereka.

7. Beberapa ujian kecergasan perlu kami lalui sebelum diterima menganggotai pasukan sukarelawan itu.

8. Tindakan tegas akan dikenakan oleh pihak sekolah kepada pelajar-pelajar yang didapati ponteng kelas atau ponteng sekolah .

9. Semua rakyat telah diseru oleh pihak kerajaan untuk bersama-sama menggunakan perkhidmatan awam bagi merealisasikan hasrat negara sebagai negara mesra alam.

10. Pihak kerajaan telah menyeru semua rakyat untuk bersama-sama menggunakan perkhidmatan awam bagi merealisasikan hasrat negara sebagai negara mesra alam.

11. Laporan aktiviti sempena Bulan Bahasa telah disediakan oleh setiausaha Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya.